

KONSEP TADABBUR AL-QURAN

NURUL HUSNA BT MOHD SAIFULLAH
nurulhusna1394@gmail.com

SAHLAWATI ABU BAKAR
sahlawati@kuis.edu.com.my

Jabatan al-Quran dan al-Sunnah
Fakulti Pengajian Peradaban Islam
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan mengenai tadabbur al-Quran yang perlu dilakukan oleh setiap individu muslim. Tadabbur al-Quran ini menggunakan akal dan hati dalam memahami, menghayati dan memikirkan setiap ayat al-Quran dengan kefahaman terhadap maknanya serta merealisasikan makna tersebut melalui perbuatan, sikap dan amalan dalam kehidupan seharian. Matlamat kajian ini ialah untuk membahaskan mengenai pengertian tadabbur, pandangan ulama' mengenai amalan tadabbur al-Quran, hukum mentadabbur al-Quran, ciri-ciri pentadabbur, kaedah berinteraksi dengan al-Quran, dan kelebihan mentadabbur al-Quran. Kajian ini menggunakan metode kualitatif dengan menganalisis dokumen yang dibuat secara induktif. Dapatan kajian menunjukkan kelebihan mentadabbur al-Quran dapat mententeramkan jiwa manusia serta dapat membantu manusia dari melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan syariat yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Seterusnya, menerusi pembacaan dan pengkajian terhadap al-Quran akan mengeluarkan umat Islam daripada kemunduran, kejahilan ilmu, atau terjerumus kepada kehancuran akhlak.

Kata kunci : konsep, tadabbur, al-Quran.

1.0 Pendahuluan

*Tadabbur al-Quran adalah untuk menyedarkan atau menghidupkan hati yang sepatutnya membuahkan hasil sebagai tanda kepada khusyuk seperti bergetar hati, menangis, takut, iman semakin bertambah, mengharap dan lain-lain. Dalam bab ini akan membincangkan pengertian *tadabbur*, hukum *mentadabbur* al-Quran, ciri-ciri *pentadabbur*, dan kelebihan *mentadabbur* al-Quran.*

2.0 Pengertian Tadabbur Al-Quran

i. Menurut Bahasa

Tadabbur ialah perkataan Arab yang bermaksud sepintas lalu, pemerhatian dan pemikiran terhadap sesuatu perkara yang baik (Nidzam Abd Kadir, 2008). Perkataan *tadabbur* merupakan satu perkataan yang sering disebut sebagai suatu gesaan ketika membaca al-Quran. Para ulama' bersepakat bahawa definisi *tadabbur* tidak banyak perbezaan. Perkataan *tadabbur* daripada pecahan kalimah ;

- i . *dabbara* (دَبَّرَ) – mengatur, merencana dan membuat perancangan.
- ii . *tadabbar* (تَدَبَّرَ) – merenung, memikirkan, memperhatikan.
- iii . *tadabbur* (تَدَبُّرٌ) – renungan, pemerhatian (Nurul Zakirah Mat Sin,2012).

ii. Menurut Istillah

Tadabbur adalah salah satu cara untuk memahami al-Quran. *Tadabbur* bererti merenungkan, menghayati dan memikirkan serta pencermatan ayat-ayat al-Quran untuk dapat memahami makna, hikmah ataupun maksud. Sebab itu seindah apapun susunan ayat-ayat al-Quran seilmiah apapun kandungan Al-Quran dan sebesar apapun mukjizat al-Quran tanpa mentadabburkan ayat-ayatnya, maka amat sukar untuk kita memahami dan menerima pengajaran dan ibrah untuk diimplementasikan dalam kehidupan kita (Muhd Nur Adzam Rasdi,2015). *Tadabbur* al-Quran adalah renungan dan penelitian ayat-ayat al-Quran agar dapat memahami makna, hikmah ataupun maksudnya (Khalid Abd Karim,2009).

Kesedaran ilmu *tadabbur* amat penting diterapkan terhadap individu muslim agar masyarakat kembali kepada penghayatan al-Quran yang sebenar. Ini kerana sekiranya umat Islam tidak mampu menilai keistimewaan al-Quran sebagai anugerah yang memberi petunjuk yang benar, adakah mereka dapat memahami tuntutan kehidupan sebagai hamba kepada Penciptanya? Demikian itu, *tadabbur* menjadi suatu tuntutan dan ia perlu kepada panduan. Ulama' mendatangkan garis panduan yang terbaik dalam usaha mendekati masyarakat dengan al-Quran (Nurul Zakirah Mat Sin, 2014).

Tadabbur merupakan proses penting, ia menuntut hati yang terbuka. Hati golongan munafik iaitu golongan yang berpura-pura dengan Islam susah untuk melakukan proses *tadabbur*. Firman Allah S.W.T :

أَفَلَا يَتَدَبَّرُونَ الْقُرْآنَ ۚ أَمْ عَلَىٰ قُلُوبٍ أَقْفَالُهَا ۚ

Maksudnya : “Adakah tidak mereka mentadabburkan al-Quran atau hati mereka terkunci.” [Surah Muhammad (47) : 24]

Oleh itu, al-Quran bukan setakat dibaca sahaja dengan tajwid yang betul tetapi mestilah ditadabbur. Dalam erti kata lain, hendaklah dikaji apa yang tersurat dan tersirat. Dan perkataan *tadabbur* juga membawa kita mengambil pengajaran baik untuk dijadikan teladan. (Nidzam Abd Kadir, 2008) Menurut Zakira (2014) dapat dirumuskan bahawa *tadabbur* adalah proses memahami dan menghayati ayat-ayat al-Quran sehingga mencapai maksud ayat secara menyeluruh. *Tadabbur* berlaku apabila seseorang terkesan dengan mesej al-Quran sehingga membuahkan kepada amalan dan tindakan mengikut acuan al-Quran.

iii. Kesimpulan Pengertian Tadabbur Menurut Bahasa Dan Istillah

Dapat disimpulkan daripada pengertian bahasa dan istillah bahawa *tadabbur* ialah perbuatan akal yang memikir dan meneliti ayat al-Quran sambil menghayati kesenian dan kebesaran kalam Allah S.W.T. *Tadabbur* juga tidak hanya lafaz di mulut bahkan ia memerlukan hati untuk memahami setiap kalimah agar dapat dipraktikan dalam kehidupan seharian.

3.0 Pengertian Tadabbur Menurut Pandangan Ulama'

Yusuf al-Qardhawi berpendapat bahawa tadabbur adalah memikirkan disebalik sesuatu yakni akibatnya. Ia hampir dengan makna *tafakkur*. Namun, makna *tafakkur* adalah menggerakkan hati atau memikirkan dalil. Manakala *tadabbur* pula adalah menggerakkan fikiran tentang akibatnya. (Zikmal Fuad,2014)

4.0 Hukum Mentadabbur Al-Quran

Tadabbur merupakan salah satu ubat terbesar bagi penyakit hati yang sakit sebagaimana ucapan Ibrahim Al-Khawash r.a “ Ubat hati terdapat dalam empat hal kemudian dia menyebut hal yang pertama, membaca al-Quran dengan mentadabburinya.” (Zakirah Mat Sin,2012)

Tadabbur kalam Allah adalah semulia-mulia ibadah dan ketaatan. Al-Quran diturunkan oleh Allah s.w.t agar manusia mentadabbur ayat-ayatnya dan bukan dijadikan perhiasan atau sekadar tayangan.

Dalam firman Allah s.w.t , seperti berikut :

أَفَلَا يَتَدَبَّرُونَ الْقُرْآنَ ۚ وَلَوْ كَانَ مِنْ عِنْدِ غَيْرِ اللَّهِ لَوَجَدُوا فِيهِ اخْتِلَافًا كَثِيرًا ﴿٨٢﴾

Maksudnya : “ Maka apakah mereka tidak memperhatikan al-Quran? Kalau kiranya al-Quran itu bukan dari sisi Allah,tentulah mereka mendapat pertentangan yang banyak di dalamnya”. [Surah an-Nisa'(4):82]

Imam az-Zarkasyi menyatakan bahawa membaca al-Quran tanpa *tadabbur* makruh hukumnya. Sebagaimana diriwayatkan Abdullah bin Amru yang berbunyi, dianggap tidak akan faham bagi orang yang membaca al-Quran kurang dari tiga hari. Ia dicela kerana mempercepatkan lafaz-lafaznya dan meninggalkan proses memahami isinya yakni *tadabbur*. Menyedari hal inilah, maka kita perlu berusaha dengan bersungguh-sungguh bagi mencapai tahap *tadabbur* (Zulkifli Yusuf,2012).

5.0 Ciri-Ciri Pentadabbur Al-Quran

Adab merupakan satu akhlak yang mulia. Sebagai kitab panduan, sewajarnya setiap Muslim beradab dengan al-Quran. *Tadabbur* tidak memadai sekadar kekuatan akal untuk memikirkan makna ayat berdasarkan penjelasan tafsir dan penguasaan ilmu. Bahkan ia memerlukan medium hati yang mampu berinteraksi dengan ayat-ayat Allah S.W.T. Terdapat beberapa ciri-ciri *pentadabbur* yang baik untuk diikuti, antaranya :

a. Beradab dengan al-Quran.

Adab merupakan akhlak yang mulia. Sebagai seorang muslim yang beriman, perlulah ada kesedaran untuk beradab dengan al-Quran. Antaranya, berwuduk ketika menyentuh al-Quran. Walaupun terdapat perbezaan pendapat para ulama dalam masalah wajib berwuduk atau tidak ketika menyentuh al-Quran, itu bukanlah persoalan yang besar. (Nidzam Abd Kadir, 2008)

b. Membaca ayat al-Quran dengan tajwid dan intonasi yang betul.

Mempelajari al-Quran suatu tuntutan bermula daripada mengenal tajwid sehinggalah memahami makna. Usaha untuk menghayati dan memahami al-

Quran memerlukan sebutan *makhraj* serta tajwid dengan cara yang betul agar setiap huruf-huruf al-Quran itu diberikan hak yang sewajarnya. Bacaan menepati tajwid serta intonasi yang betul akan memberi kesan kepada ketenangan hati dan minda. (Zakirah Mat Sin,2012)

6.0 Kaedah Berinteraksi Dengan Al-Quran

Mentadabbur al-Quran merangkumi dua perkara iaitu ilmu dan keimanan. Bagi melakukan dua perkara asas ini, manusia memerlukan keimanan dan pengabdian yang kuat serta ilmu yang banyak. Oleh itu, cara mentadabbur al-Quran adalah menggabungkan kemajuan dalam bidang ilmu dan kemantapan iman untuk menyelesaikan masalah-masalah dalam kehidupan manusia. Justeru proses pembelajaran ilmu adalah pembelajaran sepanjang hayat untuk mendapat untuk mendapat hidup yang bermakna. Maka, untuk memastikan seseorang memahami isi kandungan al-Quran dan tafsirnya, tidak dapat tidak mereka perlu mempelajari bahasa Arab. Minat mempelajari bahasa tersebut merupakan kunci utama yang akan membantu mereka mencapai kecemerlangan dalam mentadabbur al-Quran. (Munirah Abd Razak,2014)

Selain itu, perlu ada strategi baru dalam mempelajari al-Quran, iaitu fokus dan memberi sepenuh perhatian agar dapat belajar dengan lebih cepat dan mudah. Allah S.W.T tidak akan menurunkan al-Quran kecuali sebagai renungan untuk difahami maksudnya serta mengamalkan isi kandungannya. Dalam tadabbur, fungsi-fungsi al-Quran adalah jelas iaitu sebagai sumber pendidikan Islam, sumber pengetahuan, sumber nilai dan sumber untuk mengukuhkan iman manusia. Keempat-empat fungsi boleh dicapai jika al-Quran difahami. (Nik Mohd Zaim,2014)

7.0 Kelebihan Mentadabbur Al-Quran

Tujuan *tadabbur* al-Quran adalah untuk menyedarkan atau menghidupkan hati yang sepatutnya membuah hasil sebagai tanda kepada khusyuk seperti bergetar hati, menangis, takut, iman semakin bertambah, mengharap dan lain-lain. Itulah tanda hidayah yang dicampakkan oleh Allah S.W.T iaitu nur yang dengannya Allah S.W.T memimpin manusia..

Terdapat beberapa lagi kelebihan dalam *mentadabbur* al-Quran, antaranya ialah :

a. Meningkatkan keimanan

Iman seseorang muslim akan bertambah apabila meyakini dan mengamalkan al-Quran serta selalu berpandukan al-Quran dalam beramal kebajikan. Hati yang terkesan dengan pengaruh al-Quran yang dimasuki cahaya dan nur al-Quran, lalu nur al-Quran menempatkan tempat yang gelap dalam hati. Al-Quran melapangkan dada dan mententeramkan hati mereka sehingga bersegera melakukan kebajikan dengan perasaan lapang dan tenang. Ini kerana dia dapat merasakan bahawa Allah S.W.T sedang berbicara dengannya. Setiap ayat yang mengandungi hukum dapat dirasakan seolah-olah Allah S.W.T memerintahkannya secara langsung. Begitulah sebaliknya. (Rohana Zakaria,2017)

b. Al-Quran sebagai penyembuh.

Al-Quran merupakan ubat bagi menyembuhkan penyakit rohani dan jasmani. Al-Quran adalah ubat bagi hati dari berbagai penyakit syahwat dan syubhat. Al-Quran juga dapat digunakan sebagai *ruqyah* untuk mengubati penyakit jasmani. (Khalid Abd Karim,2009)

c. Menjauhkan hati dari kelalaian.

Tadabbur membuatkan hati sedar dan jauh dari kelalaian. Sesungguhnya ayat-ayat tentang syurga dan neraka yang menyedarkan dari kelalaian. Membaca al-Quran merupakan ibadah hati dan menjadikan hati sentiasa hidup. Jika hati itu baik, maka seluruh jasad akan menjadi baik. (al-Hanbali,2015)

8.0 Kesimpulan

Ketenangan, ketenteraman dan kemantapan jiwa merupakan rahmat Allah S.W.T kepada hamba-hambanya yang senantiasa dekat serta mengabdikan diri kepada Allah S.W.T amalan tadabbur yang dilakukan ketika membaca al-Quran secara istiqamah jelas dapat membantu menghindarkan pentadabbur dari melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan syariat yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T. Di dalam al-Quran Allah S.W.T dengan jelas memerintahkan setiap hambanya agar mentadabbur setiap kali membaca al-Quran. Segala perintah yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T kepada setiap hambanya pasti mempunyai justifikasi tersendiri. Apa yang dikemukakan dalam al-Quran mengenai kelebihan tadabbur serta hubungannya dengan ketenangan dan ketenteraman jiwa manusia telah pun dibuktikan dengan pengalaman pentadabbur. (Zoraina Daud,2017)

Amalan *tadabbur* seharusnya dibudayakan dalam kehidupan masyarakat Islam. Manhaj al-Quran perlu dihayati dan menjadi sumber rujukan dalam segala perkara dan permasalahan yang timbul dalam masyarakat. Menjadi kerugian bagi umat Islam apabila mengabaikan sumber panduan yang telah dianugerahkan kepada mereka. Bahkan seruan membaca, berfikir dan mengkaji sudah diterapkan dalam Islam. Menerusi pembacaan dan pengkajian terhadap al-Quran akan mengeluarkan umat Islam daripada kemunduran, kejahilan ilmu atau terjerumus kepada kehancuran akhlak. Justeru, amat penting untuk membina kesedaran kepada masyarakat Islam agar berpegang kepada al-Quran bermula dengan konsep *tadabbur* yang jelas dan tuntutan dalam kehidupan mereka (Zulkifli Yusuf,2012).

Setiap muslim seharusnya bermuhasabah dan menilai diri, apakah keimanan kita kepada al-Quran sudah pun menepati ciri-ciri yang disebutkan, iaitu bermula dengan keimanan yang tulus terhadap kebenaran al-Quran, kemudian membaca dan tadabbur al-Quran dengan elok berserta adab-adabnya, memahami dan menghayati isi kandungan dengan kefahaman yang syumul dan seterusnya menterjemahkan isi kandungan al-Quran tersebut dalam ruang lingkup akhlak dan kehidupan yang serba mencabar, dan akhirnya mengajar serta menyampaikan ajaran al-Quran kepada manusia lain. (Adzam Rasdi,2014)

9.0 Rujukan

Monika@Munirah Abd Razak, Liyana Nadzirah Md Saril, Nor Hizwani Ahmad Thohir, Nik Mohd Zaim Ab Rahim, 2014, Strategi Pengajaran Dan

Pembelajaran Al-Quran Melalui Program Televisyen : Kajian Di TV Al-Hijrah.

- Nurul Zakirah Mat Sin, 2012, Konsep Tadabbur: Suatu Kupasan, Universiti Malaya.
- Rohana Zakaria, 2017, Amalan Tadabbur al-Quran Ke Arah Pemerkasaan Jati Diri Dan Pemantapan Rohani, Kuala Lumpur.
- Rohana Zakaria, Dr. Zikmal Fuad, 2014, Implikasi Tadabbur Al-Quran Dalam Pembentukan Insan Yang Berkualiti Di Sudut Akhlak, Kuala Lumpur.
- Rohana Zakaria, Hayati Bt Hussin, Mohd Nur Adzam Rasdi, 2015, Tadabbur Al-Quran : Syarat Utama Yang Diperlukan Untuk Mencapai Objektif Al-Quran, Kuala Lumpur.